

Tiada syor kurangkan akaun semasa Mahathir tegur Dewan Perniagaan

BH 27 DEC 1984

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur Dewan Perniagaan Perusahaan Malaysia (DPPM) kerana tidak mengambil inisiatif terhadap gesaannya supaya menyusun rancangan dan langkah untuk mengurangkan masalah kekurangan akaun semasa negara.

berkata, beliau telah menggariskan perlunya usaha segera diambil bagi membaikkan atau mengurangkan kekurangan akaun perkhidmatan negara apabila beliau menghadiri majlis makan malam tahunan dewan itu tahun lalu.

"Apa yang saya dapat, tidak ada keseronokan di pihak

dewan untuk mengatasi masalah itu." tegasnya ketika berucap di majlis yang sama dianjurkan DPPM malam ini.

"Saya faham anda menghargai saranan saya itu, tetapi penghargaan sahaja tanpa tindakan adalah tidak bermakna," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ini

adalah kali ketiga berturut-turut beliau berucap kepada DPPM dan kali kedua beliau menekankan perlunya diberi perhatian

kepada usaha membaiki defisit akaun semasa negara.

"Mungkin saya tidak perlu datang tahun depan agar timbalan saya atau menteri-menteri yang berkaitan boleh men-

jadi tetamu undangan anda. Saya mengucapkan selamat berjaya dalam rancangan anda di masa depan," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, masanya sudah tiba bagi DPPM untuk menyusun rancangan langkah bagi mengatasi masalah itu.

"Sebagai contoh, anda perlu mengesan banyak in a nak sport negara diuruskan menerusi CIF dan import melalui FOB scjnk saya bercakap dulu, dan sebelum itu, jumlah eksport kita yang menggunakan kapal dan insurans kita, aliran"

lancangan, dan pelbagai perkara lagi," ujarnya.

Perdana Menteri mencadangkan agar DPPM dan dewan-dewan gabungannya berusaha mengkaji sumbangan ahli-ahlinya terhadap pengurangan kekurangan akaun semasa.

Strategi

"Saya menghargai dan berharap akan menerima strategi-strategi dan rangka kerja anda, dan memberi perhatian kepada tindakan-tindakan anda," tambah beliau.

Menurutnya, citonmi negara akan terus bertambah baik tahun depan tetapi tidak seperti yang diharapkan.

Dalam hal ini, katanya, langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam belanjawan yang

lepas akan mengurangkan perbelanjaan awam bagi membantu memperbaiki imbalan pembayaran.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga menjangka pelaburan sektor swasta akan meningkat selepas pemansuhan ketidakseimbangan dalam cukai-pendapatan di rantau ini.

Di samping itu, beliau berkata, salah satu usaha untuk membaiki imbalan dalam perdagangan antarabangsa ialah dengan mengambilalih lebih banyak perkhidmatan berkaitan dengan perdagangan, seperti perkapalan dan insurans.

"Kita perlu berjimat dalam perbelanjaan luar negeri bagi import bar-

angan dan perkhidmatan, dan melancarkan daya usaha untuk meningkatkan pendapatan dari luar negeri melalui eksport barangan dan perkhidmatan," tambahnya.

Mongcnai pelancongan, Perdana Menteri berkata, akaun perkhidmatan negara masih boleh diperbaiki kerana bidang itu boleh berkembang dan memperolehi hasil yang cepat.

Hotel

Katanya, tahun lalu rakyat Malaysia membelanjakan \$2.100 juta bagi pelancongan dan pelajaran di seberang laut tetapi kerajaan memperolehi hanya setengah daripada pendapatan pelancongan dalam negeri.

Dalam hubungan ini, beliau menyelar pengusaha hotel tempatan kerana mengenakan kadar sewa bilik yang tinggi hingga meletakkan Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang kedua termahal di Asia selepas Tokyo.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyuruh mereka supaya menurunkan kadar sewa bilik dan menyediakan kemudahan tertentu bagi menarik lebih ramai pelancong keciawat negara ini.

Beliau yakin dengan pertumbuhan bilangan bilik hotel dua kali ganda daripada 16,000 pada masa ini kepada 31,000 menjelang akhir 1986 akan berjaya mengurangkan kadar sewa.